

# Pengaruh Positif Seni Lagu Nasyid Dalam Meningkatkan Kesejahteraan Mental: Satu Tinjauan Awal

## *The Positive Influence of Nasyid Music in Enhancing Mental Well-being: A Preliminary Review*

Ismail Maidin\*, Sarip Adul, Saifulazry Mokhtar, dan Syamsul Azizul  
Universiti Malaysia Sabah

\*Corresponding author: [maelz822@gmail.com](mailto:maelz822@gmail.com)

*Dihantar: Julai 2024 / Diterima: July 2024*

*Received date: 20 Ogos 2024 / Accepted date: 20 August 2024*

**Abstrak** Seni lagu nasyid, sebagai bentuk seni muzik Islamik, ia menjadi fokus penelitian ini yang bertujuan untuk mengkaji dan memahami pengaruhnya terhadap kesejahteraan mental individu, kerana tanggapan seni nasyid terhad dalam konteks menyampaikan pesanan dakwah sahaja, malah ada yang membid'ahkan amalan tersebut, dan kurangnya kepercayaan masyarakat terhadap kesannya dalam konteks kesejahteraan mental. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif melalui pendekatan tinjauan literatur untuk mengumpulkan, menyaring, dan menganalisis sumber-sumber ilmiah yang sedia ada, dan melakukan analisis kandungan lirik pada beberapa lagu nasyid, analisis nilai viewer dalam YouTube, dan analisis komen-komen dalam tontonan YouTube, dalam usaha mencari pemahaman dan tinjauan awal tentang bagaimana seni lagu nasyid memainkan peranan dalam mengatasi cabaran kesejahteraan mental. Temuan dari literatur menunjukkan bahawa seni lagu nasyid boleh menjadi sumber sokongan positif yang bernilai ke arah kelestarian kesejahteraan mental, melalui kesan relaksasi dan ketenangan, pesanan dakwah dan keagamaan, kaitan spiritual dan psikologi, dan pengalaman kolaboratif dalam komuniti. Implikasi kajian ini memberikan landasan untuk penyelidikan lanjut dan pembangunan intervensi berasaskan seni lagu nasyid sebagai alternatif rawatan kesejahteraan mental individu secara berterusan.

**Kata kunci:** Seni Lagu Nasyid, Kesejahteraan Mental, Kelestarian, Muzik Islamik.

**Abstract:** *Nasheed music, as a form of Islamic musical art, is the focus of this study, which aims to explore and understand its impact on individual mental well-being. Often perceived as limited to conveying religious messages, Nasheed is sometimes viewed as a bid 'ah (innovation in religious matters), leading to scepticism about its effects on mental well-being. This qualitative study employs a literature review to collect and analyse existing scholarly sources, while also conducting content analysis of selected Nasheed lyrics, and an examination of viewer comments on YouTube videos. These methods aim to provide an initial understanding of how Nasheed music may address mental well-being challenges. Findings from the literature suggest that Nasheed music can serve as a valuable source of positive support for sustaining mental well-being through its effects of relaxation and tranquillity, religious and spiritual messages, spiritual and psychological connections, and collaborative community experiences. The implications of this study provide a foundation for further research and the development of interventions based on Nasheed music as an alternative for the ongoing treatment of individual mental well-being.*

**Keywords:** *Nasheed Music, Mental Well-being, Sustainability, Islamic Music.*

Seni lagu nasyid, adalah salah satu bentuk seni muzik Islam, memiliki potensi untuk mempengaruhi kesejahteraan mental individu melalui ekspresi emosional, dimensi spiritual, dan hubungan sosial. Meskipun telah ada beberapa studi tentang seni lagu nasyid, tetapi ia masih perlu tinjauan lebih lanjut untuk memahami secara holistik. Takrif seni lagu nasyid ialah bentuk seni muzik yang memiliki akar dalam tradisi muzik Islam. Kata "Nasyid"

berasal dari bahasa Arab, yang bererti nyanyian atau lagu. Seni lagu Nasyid mencerminkan keagamaan dan spiritual, dan lirik-lirik yang bersifat keislaman, sederhana, dengan melodi yang tenang dan tidak terlalu rumit. Hal ini bertujuan untuk menekankan pada mesej keagamaan yang disampaikan melalui lirik. Seni lagu nasyid sering digunakan sebagai alat untuk mendidik dan menyebarkan mesej-mesej keagamaan sama ada dinyanyikan secara berkumpulan, duo atau individu (DBP,

2016:1072). Ada banyak grup nasyid yang terkenal yang membawakan lagu-lagu dengan gaya dan interpretasi mereka sendiri seperti Kumpulan Raihan yang terkenal zaman 90-an adalah grup nasyid asal Malaysia yang telah lama dikenali di dunia muzik Islam. Lagu-lagu mereka, seperti lagu "*Puji-Pujian*", telah mendapat pengakuan internasional dan menjadi tajuk kajian berkaitan impak lagu tersebut terhadap emosi dan kognitif. Selain didengari melalui rakaman, seni lagu nasyid juga sering dipentaskan secara langsung dalam konsert atau acara keagamaan. Pertunjukan langsung ini dapat menciptakan pengalaman yang lebih mendalam bagi pendengarnya. Meskipun seni lagu nasyid memiliki dasar keagamaan Islam, berbagai kelompok nasyid dapat menggabungkan elemen budaya mereka sendiri ke dalam muzik. Ini menciptakan ragam gaya dalam seni lagu nasyid di berbagai wilayah dan kelompok budaya. Lantaran itu, nasyid pada masa kini bukan hanya menyampaikan mesej-mesej dakwah sahaja, tetapi ia juga berpotensi dalam pelbagai bidang yang lain seperti populariti dan nilai keuntungan yang boleh diperolehi dari jualannya (Trisilowaty, 2010).

Dalam konteks muzik Islamik di Malaysia, ia telah berkembang dan berevolusi sesuai dengan zaman, terdapat pelbagai bentuk muzik yang mempunyai unsur-unsur Islamik selain nasyid. Qasidah Melayu merupakan bentuk muzik yang menggabungkan unsur-unsur seni muzik Melayu tradisional dengan mesej-mesej keagamaan. Ia sering kali dihasilkan dalam bentuk lagu-lagu yang merayu hati dan bermotifkan Islam (Nafiah, 2021). Dalam sesetengah budaya dan komuniti, istilah "nasyid" dan "qasidah" sering kali digunakan secara bersinonim untuk merujuk pada muzik Islamik. Seni dikir maulid sering kali berkaitan dengan perayaan maulid, ulang tahun Nabi

Muhammad SAW. Ia melibatkan pembacaan zikir, nasyid, dan muzik tradisional yang dipadukan untuk merayakan kehidupan Nabi. Seni lagu Islamik adalah bentuk muzik yang mencipta lagu-lagu dengan lirik yang mencerminkan nilai-nilai Islamik. Ia mungkin mencakup berbagai genre termasuk unsur tradisi seperti zapin, keroncong dan sebagainya, unsur moden seperti pop, rock, atau R&B, dengan lirik-lirik yang menyampaikan mesej-mesej Islamik (Yusof & Bidin, 2008).

Fatwa ulama tentang seni lagu adalah bervariasi dan bergantung pada perspektif ulama dan mazhab tertentu. Beberapa ulama mungkin memiliki pandangan yang lebih terbuka terhadap penggunaan muzik dalam konteks Islamik, sementara yang lain memiliki pandangan yang lebih konservatif (Maqsurah et al., 2020). Lantaran itu, hukum lagu nasyid dan alat muzik menjadi perbincangan yang luas dalam kalangan ulama sejak zaman dahulu dan mereka berikhtilaf atau berbeza pandangan sesuai dengan dalil dan justifikasi pada penetapan hukum masing-masing, namun secara ringkasnya perbincangan tersebut terbahagi kepada lima hukum asas yang menjadi perbincangan ulama Fiqh aliran Sunni iaitu wajib, haram, sunat, makruh dan harus. Bagi yang mengharuskan dan membolehkan berlagu dan bermain apa pun jenis alatan muzik perlulah menepati syarak kerana lagu dan alat muzik dikira sebagai harus selagi tiada unsur haram dimasukkan, iaitu hukum haram terjadi bila ada unsur haram yang bersama dengannya (Hanafi et al., 2018). Syaratnya hendaklah; seni lagu nasyid itu memfokuskan lirik-liriknya pada tema-tema keagamaan, moral, dan spiritual. Mesej yang disampaikan harus sejalan dengan ajaran Islam dan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah. Lirik dan kandungannya tidak boleh mengandungi

hal-hal yang diharamkan dalam Islam, seperti unsur-unsur cabul, kekerasan, atau penyalahgunaan bahasa. Seni lagu nasyid seharusnya bersifat positif dan mendidik, disampaikan dengan cara yang menarik dan dapat dicerna oleh pendengar. Antara petikan kata-kata ulama yang membenarkan nasyid dan alat muzik, Syeikh Mahmud Saltut: “..mendengar suara yang indah baik suara manusia mahupun binatang ataupun alat, selama tidak melalaikan dari kewajiban agama dan tidak menurunkan akhlak mulia adalah tidak dilarang...” (Fikri, 2014:21-22). Malah sesuai dengan kontemporari, hiburan berbentuk lagu nasyid sangat sesuai dengan situasi semasa iaitu cintakan hiburan dan muzik dijadikan wasilah dakwah untuk mendekati masyarakat (Hatim & Sahad, 2020), dan antara sunnah yang ditinggalkan di zaman ini adalah sunnah memuji baginda Nabi SAW dalam nasyid dan qasidah (Ilmiah, 2023).

Tanggal 10 Oktober, adalah Hari Kesehatan Mental Sedunia. Pada tahun ini, temanya ialah: “*Kesehatan Mental Milik Semua, Hentikan Stigma*”. Kesehatan mental sama pentingnya dengan kesihatan fizikal, dan istilah kesihatan mental dan kesejahteraan mental adalah dua konsep yang sering digunakan secara bersamaan, tetapi ada juga yang membezakannya sesuai konteks kerana kesejahteraan mental lebih umum sifatnya (Norhanita, 2023). Oleh itu, apa pun istilah penggunaan, kesihatan mental atau kesejahteraan mental boleh digunakan, kerana ia adalah pada landasan yang sama. Seseorang yang mempunyai kesihatan atau kesejahteraan mental ialah mempunyai keseimbangan emosi, hubungan sosial yang sihat, kepercayaan diri, penentuan tujuan hidup, ketahanan terhadap cabaran, rasa harga diri, serta pencapaian dan pertumbuhan peribadi. Aspek positif seperti kebahagiaan, kepuasan hidup, dan keupayaan untuk

mengatasi cabaran kehidupan. Dalam konteks hubungan sosial, kesejahteraan mental juga terkait dengan kualiti interaksi sosial dan sokongan emosional dari keluarga, rakan, dan masyarakat. Kepercayaan diri dan tujuan makna hidup memberikan arah dan motivasi untuk mencapai kebahagiaan. Ketahanan mental pula melibatkan kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dan mengatasi kesulitan. Pentingnya diri sendiri membawa kepada perasaan harga diri yang positif, yang melibatkan penerimaan diri, penjagaan diri, dan kepekaan terhadap keperluan fizikal dan mental. Pencapaian dan pertumbuhan peribadi menyumbang kepada kejayaan dan kepuasan hidup. Kesejahteraan mental bukanlah sesuatu yang statik tetapi proses yang dinamik yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Oleh itu, menyokong kesejahteraan mental ialah pendekatan holistik yang melibatkan individu, keluarga, masyarakat, dan sebagainya pada semua peringkat. Kesimpulannya, terlibat dengan kesihatan mental bukanlah bermaksud seseorang itu mengidap penyakit mental, ia adalah tanggapan yang salah, kerana semua manusia harus menitikberatkan kesihatan mental dan sentiasa menghindari diri dari terjebak dengan pengaruh negatif kepada yang boleh merosakkan mental, sepertimana manusia menitikberatkan pemakanan seimbang untuk kesihatan fizikal. Oleh itu, perlunya mengurus dan menghadapi masalah emosi dan stress dengan bijaksana, iaitu melalui tiga langkah; Pertama, melalui pendekatan *prevention* (preventif/pencegahan), seterusnya kedua, *amelioration* (kuratif/pembaikan), dan yang ketiga, *preservation* (pengembangan) atau dinamakan sebagai *development* (pengembangan) ataupun *improvement* (meningkatkan). Langkah ini wajar diamalkan oleh semua, agar memperoleh kesejahteraan mental iaitu; kebahagiaan

dan kepuasan hidup, dan dukungan dari pelbagai pihak ada hubungannya terhadap kelestarian kesejahteraan mental bersama (Fakhriyani, 2019:23-24).

Kesejahteraan mental mengikut perspektif Islam merangkumi pencapaian keadaan keseluruhan yang optimal dari segi kesihatan mental, dengan menitikberatkan kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam. Ini melibatkan hubungan yang kukuh dengan Allah melalui amalan ibadah, tawakal, dan takwa, serta pemahaman dan penerimaan diri berdasarkan ajaran Islam. Selain itu, interaksi sosial yang positif, sokongan komuniti, dan praktik nilai-nilai seperti kesabaran, syukur, dan kasih sayang turut menjadi elemen utama dalam mencapai kesejahteraan mental yang sempurna menurut perspektif Islam, penekanan terhadap pelaksanaan nilai-nilai moral dan etika Islam dalam kehidupan sehari-hari, membentuk keadaan psikologi dan emosional yang seimbang serta positif sesuai dengan prinsip-prinsip ajaran Islam. Hubungan antara teori-teori kesejahteraan mental dan seni lagu nasyid terletak pada potensinya dalam mempengaruhi aspek-aspek kognitif, emosional, dan sosial individu. Lirik-lirik yang positif dalam nasyid dapat membentuk pola pemikiran yang mendukung kesejahteraan mental, sementara mesej-mesej keberanian dan harapan dalam nasyid sesuai dengan konsep *resilience*. Pendekatan model kesejahteraan mental seperti *Model Tazkiyah al-Nafs Imam al-Ghazali*, *Model Tahaqquq Tazkiyah al-Nafs Sa'id Hawwa*, Model pendekatan Tasawuf dalam penyucian jiwa, *Model Pembangunan Psikologi Manusia Melalui Kitab Qut al-Qulub*, dan *Model Penyembuhan Spiritual dalam Tradisi Tasawuf*, adalah lima bentuk model kesejahteraan mental yang dipercayai mampu membawa dampak perawatan dengan mempertimbangkan semua dimensi ini secara serentak. Lantaran itu, nasyid

dilihat antara bentuk ekspresi budaya dan spiritual yang menterjemahkan model-model tersebut melalui dimensi rangsangan psikologi positif yang boleh memperkuat aspek-aspek positif dalam kehidupan, mensimulasikan kebahagiaan dan makna hidup yang optimistik (Sulaiman et al., 2021).

Oleh itu, muzik dalam bentuk lagu-lagu dengan lirik atau muzik instrumental, dapat menjadi alat atau wasilah yang sangat berkesan dalam terapi mental dan pembentukan karakter peribadi seseorang. Penggunaannya boleh berbeza-beza bergantung kepada matlamat terapeutik dan pilihan klien. Dalam kajian penelitian terhadap kesan alat muzik tradisional kecapi suling terhadap tekanan darah menunjukkan bahawa ada perbezaan tekanan darah *Systolic* (p value 0.0001) dan *Diastolic* (p value 0.001) sebelum dan setelah diberikan terapi muzik tradisional kecapi suling Sunda (Supriadi et al., 2015). Oleh yang demikian, muzik instrumental dengan melodi yang tenang dapat mencipta suasana relaksasi untuk teknik meditasi, manakala lagu-lagu dengan lirik yang mencerminkan perasaan klien berpengaruh membantu mereka menyalurkan emosi yang sukar diungkapkan dan membawa ketenangan. Muzik juga boleh digunakan untuk memperkuat pemikiran positif, meningkatkan motivasi, dan membantu dalam penumpuan. Penting wujud kolaborasi dengan klien dalam pemilihan muzik supaya penggunaannya dapat disesuaikan dengan keperluan individu dan menyokong proses terapeutik. Sesetengah terapi juga mungkin memilih menggunakan muzik sebagai sebahagian daripada teknik terapi khusus, seperti muzik terapi, untuk mencapai hasil yang lebih mendalam (Sabari, 2018).

## Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif berbentuk tinjauan pada kajian literatur untuk identifikasi dan sintesis temuan dari penelitian-penelitian sebelumnya terkait seni lagu nasyid dan kesejahteraan mental. Seterusnya, analisis kandungan YouTube melalui pemilihan lima sampel video nasyid sahaja, kemudian melakukan transkripsi isi, dan identifikasi tema-tema utama dan tanggapan penonton. Oleh itu, pengkaji memilih lima buah video nasyid yang mempunyai kadar tontonan yang tinggi melebihi 1k tontonan dalam carian *YouTube*, kemudian menggeneralisasikan komen-komen penonton tersebut dan bentuk tematik. Justifikasi sampel *YouTube* tersebut dipilih kerana ia memudahkan pengkaji memerhatikan impak nasyid tersebut dari segi tontonan dan ingin memerhatikan jumlah tontonan, dan bentuk-bentuk komen pendengar dan penonton sama ada berbentuk positif seperti pujian, kebersamaan dan sebagainya, ataupun berbentuk negatif seperti kecaman, ketidakpuasan dan sebagainya. Dengan demikian, dengan kadar tontonan yang tinggi dan komen positif yang tinggi adalah jelas menampakkan sesuatu karya nasyid tersebut sangat dihargai dan memberikan kepuasan serta pengaruh positif terhadap *viewers (penonton)*. Dalam masa yang sama, komen-komen *viewers* adalah menjadi sokongan terkuat terhadap dapatan-dapatan pada kajian terdahulu. Lantaran itu, data-data yang telah dikumpul dari sorotan literatur dan pemerhatian komen-komen *viewers YouTube*, akan disusun dan diklasifikasikan secara tematik.

## Dapatan Kajian

Dalam dapatan kajian dari kajian literature dan analisis kandungan YouTube,

terdapat empat tema utama yang dijadikan tunjang menerangkan dapatan kajian ini, iaitu; kesan relaksasi dan ketenangan, pesanan dakwah dan keagamaan, kaitan spiritual dan psikologi, dan pengalaman kolaboratif dalam komuniti.

Berikut adalah penerangan tentang dapatan dan temuan-temuan tersebut yang disusun secara tematik tersebut:

### Kesan Relaksasi dan Ketenangan

Kesan relaksasi dan ketenangan dapat diperhatikan dalam beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan melodi yang menenangkan, lirik yang mengandungi mesej positif, hubungan dengan nilai-nilai kebaikan, meningkatkan suasana hati, membantu pengelolaan emosi, menyediakan sokongan emosional dalam situasi kesulitan, serta memberikan pengalaman mendalam secara spiritual. Ini menunjukkan bahawa seni lagu nasyid bukan hanya hiburan semata-mata, tetapi juga alat yang berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan mental melalui dampak emosional positif dan kesan relaksasi dan ketenangan, kerana seni lagu nasyid mengandungi melodi yang menenangkan dan lirik-lirik yang membawa mesej positif. Malah, mendengarkan muzik nasyid akan dapat memberikan dorongan positif pada suasana hati, mengurangi ketegangan, dan meningkatkan perasaan kebahagiaan. Oleh itu, nasyid dapat mempengaruhi pendengar secara positif khususnya berhubungan dengan emosi dan aspek kognitif iaitu berhubungan dengan pengetahuan (Trisilowaty, 2010).

Lirik-lirik seni lagu nasyid biasanya ditulis berkaitan dengan kehidupan dan emosi manusia. Individu akan dapat merasa terhubung dengan pengalaman yang diungkapkan dalam lagu, yang pada gilirannya dapat membantu mereka mengidentifikasi, mengungkapkan, dan mengelola emosi mereka dengan lebih baik. Dalam masa yang sama juga, lagu nasyid

juga sering menyampaikan mesej-mesej dukungan dan harapan, khususnya dalam menghadapi kesulitan atau cubaan. Ini dapat memberikan dorongan emosional kepada pendengarnya, membantu mereka merasa didukung dan lebih mampu menghadapi tantangan hidup. Seperti dalam kajian lagu nasyid pada diksi Lirik Lagu nasyid Brothers “Teman Sejati”, ialah diksi sokongan, melalui persepsi sinonim sokongan tersebut iaitu dukungan, dorongan, bantuan, dan kekuatan (Rahmawati, 2014).

Lirik-lirik nasyid sering mencerminkan nilai-nilai kebaikan, keadilan, dan kasih sayang. Mendengarkan dan meresapi mesej-mesej ini dapat memberikan individu pengalaman emosional yang terkait dengan nilai-nilai positif, menguatkan rasa identiti dan orientasi moral. Bagi banyak individu, seni lagu nasyid bukan hanya pengalaman muzik biasa. Lirik-lirik yang merujuk pada nilai-nilai keagamaan dan spiritual dapat membawa pengalaman emosional yang mendalam, membantu meningkatkan rasa dekatnya dengan aspek spiritual kehidupan mereka. lirik lagu tersebut bermakna agar selalu mengingat Allah dan berserah diri kepada-Nya, mengucapkan syukur atas segala nikmat yang Allah berikan, serta mengakui kebesaran Allah atas alam semesta. Sepertimana dalam kajian tentang analisis konsep dan impak lirik lagu dalam membawa rasa mengingat Allah dan berserah diri kepada-Nya, mengucapkan syukur atas segala nikmat yang telah Allah SWT berikan, serta mengakui kebesaran Allah SWT atas alam semesta (Ria, 2020).

Dalam beberapa hal, seni lagu nasyid juga dapat dianggap sebagai bentuk terapi muzik yang menyediakan jalan untuk pemulihan emosional. Muzik memiliki kekuatan untuk merangsang perubahan emosional dan dapat digunakan sebagai sarana untuk meredakan stres atau kecemasan, dan membawa kepada relaksasi dan ketenangan, meskipun kegiatan mengubati pesakit mental telah dibangunkan dengan terapi muzik abad pertengahan Islam dari abad ke-9M sehingga abad ke-16M, tetapi kaedah tersebut tidak popular lagi kerana cara zaman sekarang lebih menggunakan terapi secara ubatan yang diproses dari dadah tertentu untuk mengubati penyakit mental. Cara yang diaplikasikan pada zaman tersebut untuk merawat pesakit mental ialah secara intensif dan ekstensif di hospital dengan menggunakan pendekatan kesufian dan tasawuf, iaitu mendengar alunan al-Quran, zikir, Azan, muzik, alunan nasyid dan bunyi air (Abdullah et al., 2019). Lantaran itu, perlunya kajian semakan semula atau kajian lanjutan tentang keperluannya sebagai alternatif perubatan penyakit mental melalui elemen-elemen tersebut agar tidak berlakunya ketergantungan kepada ubatan moden semata. Terutamanya tentang keberkesanan seni lagu nasyid sebagai langkah awal dalam usaha pencegahan dan penjana kesihatan atau kesejahteraan mental, dan seterusnya mewujudkan kelestarian kesejahteraan mental dalam masyarakat.

## Jadual 1

### *Analisis YouTube Kesan Relaksasi dan Ketenangan*

<b>Lagu Nasyid</b>	<b>Komen</b>
<b>1- Raihan - Iman Mutiara</b> (Lirik Video)  977,363 views 20 Oct 2020	1- Ungkapan: " <i>Lagu ni tenang tau...</i> " <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ungkapan ini secara langsung menyatakan bahawa lagu memiliki efek menenangkan dan dapat memberikan ketenangan.</li> </ul>

<https://youtu.be/TZT-MqiSB1c?si=Ush--ct16ds9IS72>

**2- DEEN ASSALAM –**  
Cover by SABYAN

309,364,597 views  
18 May 2018

[https://youtu.be/1OMD\\_LS ELAM?si=UersLYs3nNBJnFp1](https://youtu.be/1OMD_LS ELAM?si=UersLYs3nNBJnFp1)

**3- Maher Zain-  
Rahmatun Lil'Alameen**  
(Official Music Video)

177,367,804 views  
29 May 2022

<https://youtu.be/tBbdSzwqxY?si=m0vr47yf6qO4ggm9>

**4- Yasir Lana - Ai  
Khodijah** (Official Musik  
& Video)

98,315,176 views  
24 Nov 2020

<https://youtu.be/U59EKWapOc?si=uO9TiJfkmB5pvzji>

**5- Awla (Saujana,  
Nowseeheart), Andika,  
Azzam Sham - Awal  
Muharram**  
(Official Music Video)

50,839 views  
29 Jul 2022

2- Kata-kata: "melodi yang menyejukkan," "dentingan syair yang menenangkan," "iringan yang lembut," "suara yang meremajakan."

- Ungkapan ini menggambarkan bagaimana pengalaman mendengarkan nasyid iaitu menenangkan, relax dan emosi positif.

1- Kata-kata: "suara yang indah...", "lagu ini membawa kedamaian....", "irama yang lembut," "membawa kedamaian batin."

- Komentar ini menyoroti efek positif lagu terhadap pendengarnya, yang menghasilkan rasa relaksasi dan ketenangan.

2- Ungkapan: "voice is very peaceful...."

- Menekankan keindahan suara penyanyi yang dapat menciptakan tenang dan damai.

1- Ungkapan: "How beautiful is Islam, how beautiful it is to be a Muslim."

- Ungkapan terhadap dampak positif agama, khususnya Islam.

2- Ungkapan: "There is something magical in this Nasheed... That gives me peace 😊"

- Ungkapan terhadap perasaan ketenangan dan relaksasi dalam kehidupan sehari-hari.

1- Ungkapan: "waktu umur 23 tahun saya suka sekali dengerin solawat Islam, walaupun saya ga ngerti artinya, tpi dihati bikin adem dan nyaman"

- Ungkapan syukur dan ketenangan yang diperoleh melalui mendengarkan selawat adalah mencerminkan pengaruh positif lagu nasyid tersebut terhadap kondisi emosional.

2- Ungkapan: "Alhamdulillah ya Allah"

- Ekspresi syukur dan ketenangan yang diperoleh dan dirasakan impak dari lagu nasyid yang ditonton.

1- Ungkapan: "Mashaa Allah, vibenya seperti lagu perjuangan 😊 Selamat Tahun Baru Hijriyah semuanya "

- Ungkapan *Mashaa Allah* dan salam menyambut tahun baru hijrah menunjukkan suasana positif yang menciptakan ketenangan.

2- Ungkapan: "Bestnya versi baru ni... Salam Maal Hijrah."

- Ini mencerminkan kesan relaksasi dan ketenangan positif ketika mendengarkan lagu versi baru.

[https://youtu.be/fXgHL\\_tO\\_sck?si=L\\_R72nVf8k8EQ9a](https://youtu.be/fXgHL_tO_sck?si=L_R72nVf8k8EQ9a)  
i

## Pesanan Dakwah dan Keagamaan

Pesanan dakwah dan keagamaan serta spiritual Islamik dalam seni lagu nasyid membawa dimensi hubungan sosial yang positif dan baik antara individu dalam berinteraksi dan berhubungan sosial sesama yang membawa mesej kesejahteraan mental. Lirik-lirik lagu tersebut yang menyelipkan mesej-mesej persaudaraan, *solidarity*, dan kebersamaan menjadi asas yang membentuk ikatan sosial yang positif di kalangan pendengar. Di samping itu, seni lagu nasyid turut mengetengahkan kepentingan hubungan keluarga dalam konteks Islam, memperkukuh nilai-nilai keluarga sebagai elemen penting dalam ikatan sosial masyarakat. Oleh itu, nasyid bukan sahaja berkonsepkan hiburan, tetapi juga sebagai wasilah seruan dakwah disampaikan terutamanya dalam usaha mematuhi tuntutan agama iaitu seruan hidup aman damai dan sejahtera, tiada unsur menzalimi, persaudaraan, memohon maaf sesama manusia jika bersalah, dan membina hubungan sosial yang positif dalam membina kesejahteraan mental (Setapa et al., 2023).

Pesanan dakwah dan keagamaan yang positif dalam seni lagu nasyid juga merangsang kesedaran sosial dan semangat untuk sentiasa hidup gembira dan positif, dan sentiasa memberikan sumbangan yang positif kepada masyarakat. Lagu-lagu nasyid adalah salah satu medium bagi

individu untuk berkongsi pengalaman hidup yang positif, dan ia membuka pintu kepada pertukaran pengalaman berharga dalam komuniti atau masyarakat. Seni lagu nasyid bukan hanya sekadar mencipta irama dan muzik, tetapi juga memainkan peranan penting dalam mendorong komunikasi dan dialog antara individu, membentuk landasan untuk berbincang mengenai nilai-nilai bersama dan memperkukuh komunikasi positif dalam masyarakat. Maka peranan komunikasi dakwah terserlah melalui *Mauizah Hasanah* (pesanan nasihat dengan cara baik) dalam nasyid, terutamanya dalam merangsang kesedaran sosial dan semangat masyarakat yang hidup gembira dan positif (Yanti, 2016).

Tambahan pula, dimensi pesanan dakwah dan keagamaan dalam seni lagu nasyid turut menyampaikan mesej perjuangan murni dalam hidup, hidup bertoleransi dan penerimaan terhadap perbezaan dalam masyarakat. Ini membentuk landasan bagi hubungan sosial yang inklusif, mengurangkan potensi konflik dalam masyarakat. Secara keseluruhan, seni lagu nasyid tidak hanya mencipta hubungan sosial yang positif, tetapi juga berperanan dalam membentuk struktur sosial yang menyokong kesejahteraan mental individu melalui hubungan yang bermakna dengan komuniti dan masyarakat (Fauzi & Rusmana, 2022).

### Jadual 2

#### *Analisis YouTube Pesanan Dakwah dan Keagamaan*

Lagu Nasyid	Komen
-------------	-------



### 1- Raihan - Iman Mutiara (Lirik Video)

977,363 views  
20 Oct 2020

<https://youtu.be/TZT-MqiSB1c?si=Ush--ct16ds91S72>

1- Ungkapan: *"Kuatkan iman hamba Mu untuk bisa menetapkan satu pilihan yang terbaik dunia akhirat..."*

- Ungkapan doa tersebut mengekspresikan pentingnya iman untuk pilihan hidup di dunia dan akhirat.

2- Kata-kata: *"tauhid dalam melodi," "pesan keimanan yang tulus," "dakwah yang lembut," "mengajak kepada kebaikan."*

- Frasa ini menekankan pesan-pesan keagamaan yang terkandung dalam lirik nasyid dan bagaimana muzik ini dapat menjadi medium dakwah yang positif.

### 2- DEEN ASSALAM – Cover by SABYAN

309,364,597 views  
18 May 2018

[https://youtu.be/1OMD\\_LS ELAM?si=UersLYs3nNBJnFp1](https://youtu.be/1OMD_LS ELAM?si=UersLYs3nNBJnFp1)

1-Kata-kata: *"salam toleransi...," "pesanan dakwah dan keagamaan...," "pesan yang tulus...."*

- Komunikasi mesej dakwah dan keagamaan tercermin dalam komentar ini, terutama dalam salam toleransi dan penekanan pada pesan yang tulus. Ini mencerminkan upaya untuk menyampaikan nilai-nilai agama dan mesej toleransi.

2-Kata-kata: *"mengajak untuk introspeksi," "pesan kebaikan," "menyampaikan kasih dan toleransi."*

- Berunsur mesej dakwah yang mendorong refleksi diri, dan menunjukkan tujuan penyampaian pesan keagamaan yang positif.

### 3- Rahman Nashid Mishary Alafasy رحمن يا رحمن | مشاري راشد العفاسي

249,700,286 views  
2 May 2012

<https://youtu.be/M3xjz4nxzGQ?si=SlL5JcJVWxmphq>

1- Ungkapan: *"May the blessing of God be with you ❤️"*

- Ungkapan ini menunjukkan pengaruh pesan dakwah dan nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan individu,

2- Ungkapan: *"I am proud to be Muslim from Bangladesh ❤️"*

- Ungkapan ringkas tentang kebanggaan tentang keyakinan yang dianuti dan mengikuti dakwah Islam.

### 4- Yasir Lana - Ai Khodijah (Official Musik & Video)

98,315,176 views  
24 Nov 2020

<https://youtu.be/U59EKWapOc?si=uQ9TiJfkmB5pvzji>

1- Ungkapan: *"Percayalah Islam itu inti dari segalanya, dalam Islam ada ketenangan... sudah 3 tahun saya pindah dari Katolik ke Islam..."*

- Ekspresi perasaan setelah memeluk Islam ditulis melalui mesej dakwah yang dirasakan dari lagu.

2- Ungkapan: *"Saya beragama Buddha, getaran lagu nya menyayat hati, dan membuang semua kotoran batin saya,,makasih atas toleransinya, semoga semua makhluk berbagai dan mendapatkan kedamaian di dalam hati,,amitopo,,salam toleransi"*

- Komentar dari pemeluk agama yang berbeza mencerminkan pesanan dakwah yang universal dan semangat toleransi.

**5- Awla (Saujana,  
Nowseeheart), Andika,  
Azzam Sham - Awal  
Muharram**  
(Official Music Video)

50,839 views  
29 Jul 2022

[https://youtu.be/fXgHL\\_tO\\_sck?si=L\\_R72nVf8k8EQ9a](https://youtu.be/fXgHL_tO_sck?si=L_R72nVf8k8EQ9a)

i

1- Ungkapan: "Sedap versi baru... 🍌🍌🍌"

- Mencerminkan kepuasan dari melodi dan mesej-mesej lagu didengari.

2- Ungkapan: "Terbaik nafas baru ❤️ Siapa rindu nabi Muhammad s.a.w? Pengorbanan beliau menyebarkan agama Allah 😭😭"

- Terdapat impak dari mesej pengorbanan hijrah Nabi SAW dari lagu, dan diungkapkan "rindu" terhadap Nabi Muhammad.

---

## Kaitan Spiritual dan Psikologi

Dimensi kaitan spiritual dan psikologi dalam seni lagu nasyid mewakili sebuah perjalanan mendalam ke dalam penghayatan nilai-nilai keagamaan dan penguatan ikatan yang lebih erat dengan dimensi rohaniah. Lirik-lirik yang diselipkan dengan mesej-mesej keislaman tidak hanya menyampaikan maklumat, tetapi juga membuka pintu kepada pengalaman mendalam tentang ajaran agama Islam. Setiap perkataan dalam lirik mencetuskan makna yang lebih mendalam, membina landasan untuk refleksi keagamaan yang bersifat peribadi dan mendalam. Oleh itu, dalam kajian kekuatan lirik lagu dalam bahasa Melayu pada lagu Kumpulan Nasyid Raihan yang bertajuk "Iman Mutiara", "Peristiwa Subuh", dan "Demi Masa", menunjukkan bahawa ketiga lirik lagu di atas banyak menggunakan diksi konotatif, denotative, antonym, dan sapaan. Penggunaan jenis diksi tersebut adalah berpengaruh terhadap dunia Melayu iaitu karakter lirik melankolik, pasrah, beradat, tidak konfrontasi, rasa bertuhan, serta nasihat bernada sindiran adalah sesuatu yang melambangkan kemelayuan yang akan memudahkan merasai lebih dekat dan rasa mendalam terhadap mesej dan pengalaman kerohanian yang ingin disampaikan melalui

lirik lagu tersebut, kerana kaitan spiritual dan psikologi dalam seni lagu nasyid tersebut (Aidil & Istiqomalia, 2021).

Pengalaman ketakwaan diperkaya dengan melodi dan ritma khas dalam seni lagu nasyid. Komposisi muzik yang tenang dan mendalam mencipta suasana yang menyokong perenungan rohaniah, membawa pendengar melalui perjalanan spiritual yang sarat dengan makna (Hutomo, 2013). Dalam situasi ini, seni lagu nasyid berfungsi sebagai medium yang boleh memenuhi keperluan batin dan psikologi seseorang, dan membantu pendengar menemui ketenangan dalam hubungan mereka dengan Tuhan, kerana perut berhubungan dengan makanan dan minuman, akal berhubungan dengan ilmu pengetahuan, dan batin akan berhubungan dengan rasa ketenangan dan kegembiraan yang diperoleh dari penglihatan, pendengaran, persekitaran dan sebagainya. Melodi yang indah dalam nasyid yang didengari akan membangkitkan psikologi kedamaian dan ketenangan, dan membawa pendengar ke dalam keadaan fikiran dan jiwa yang lebih damai. Demikian juga pada penggunaan alat muzik tradisional yang menyirami unsur warisan keagamaan. Alat muzik tradisional yang digunakan dalam seni lagu nasyid tidak hanya mencipta keunikan dalam pengalaman mendengarkan, tetapi juga mengukuhkan

ikatan dengan tradisi dan warisan (Supriadi et al., 2015).

Pembinaan identiti keagamaan melalui seni lagu nasyid bukanlah hanya hasil dari penciptaan seni, tetapi juga sebuah proses penghayatan nilai-nilai keagamaan yang berterusan. Seni lagu nasyid menjadi cerminan bagi perjalanan kerohanian dan psikologi individu, mencipta ruang untuk refleksi yang mendalam, dan mengukuhkan kesedaran terhadap identiti keagamaan.

Keseluruhannya, dimensi spiritual dalam seni lagu nasyid mencipta lebih daripada sekadar lagu-lagu; ia membentuk pengalaman keagamaan yang membebaskan jiwa, mengukuhkan hubungan dengan Tuhan, dan membimbing individu dalam perjalanan kehidupan rohaniah yang penuh dengan makna, serta menjalani pujukan dakwah yang halus untuk istiqamah dalam beragama, atau kembali kepada jalan yang benar (Sabari, 2018).

### Jadual 3

#### Analisis YouTube Kaitan Spiritual dan Psikologi

Lagu Nasyid	Komen
<p><b>1- Raihan - Iman Mutiara</b> (Lirik Video)</p> <p>977,363 views 20 Oct 2020</p> <p><a href="https://youtu.be/TZT-MqiSB1c?si=Ush--ct16ds91S72">https://youtu.be/TZT-MqiSB1c?si=Ush--ct16ds91S72</a></p>	<p>1- Kata-kata: "pengalaman batin yang mendalam," "memperkuat koneksi rohaniah," "menggugah spiritual," "membangkitkan keberanian jiwa."</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ungkapan ini menyoroti pengalaman mendengarkan nasyid sebagai suatu perjalanan spiritual dan bagaimana muzik ini dapat mempengaruhi keadaan emosional dan psikologi.</li> </ul> <p>2- Kata-kata: "Lagu yang selalu di putar waktu saya di pondok setiap hari Jumaat, 4 tahun setia mendengar nasyid dari album Raihan...", "Imagine, dalam kereta, atas highway. Gelap. Hanya cahaya bulan dan lampu kereta. Rindunya..."</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ungkapan ini merujuk pada rutin dan kesetiaan mendengarkan lagu tersebut untuk memenuhi keperluan spiritual dan psikologi peribadi.</li> </ul>
<p><b>2- DEEN ASSALAM –</b> Cover by SABYAN</p> <p>309,364,597 views 18 May 2018</p> <p><a href="https://youtu.be/IOMD_LS-ELAM?si=UersLYs3nNBJnFp1">https://youtu.be/IOMD_LS-ELAM?si=UersLYs3nNBJnFp1</a></p>	<p>1- Kata-kata: "mengajarkan cinta dan damai," "suara yang adem," "mudah difahami tanpa membaca teksnya."</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komentari ini menunjukkan dampak spiritual dan pengaruh psikologi yang menenangkan.</li> </ul> <p>2-Kata-kata: "menghubungkan jiwa dan fikiran," "memberikan ketenangan batin," "refleksi spiritual yang mendalam."</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merujuk pada dimensi spiritual yang mengakomodasikan aspek psikologi, dan menggambarkan pengalaman yang mencapai lapisan emosional dan spiritual.</li> </ul>
<p><b>3- Rahman Nashid</b> <b>Mishary Alafasy</b></p>	<p>1- Ungkapan: "This Nasheed makes me feel less scared about the day of judgement.", "Proud to be a Muslim ❤️"</p>

رحمن يا رحمن | مشاري راشد  
العفاسي

249,700,286 views  
2 May 2012

<https://youtu.be/M3xjz4nxzGO?si=SlnL5JcJVaxmphq>

- Menyoroti hubungan antara dimensi spiritual keagamaan dan kesejahteraan psikologi individu.
- 2- Ungkapan: "*How beautiful is Islam, how beautiful it is to be a Muslim.*"
- Menggambarkan perasaan bangga dengan Islam secara fizikal, mental dan psikologi.

**4- Yasir Lana - Ai Khodijah** (Official Musik & Video)

98,315,176 views  
24 Nov 2020

<https://youtu.be/U59EKWapOc?si=uQ9TiJfkmB5pvzji>

1- Ungkapan: "*Love from India to all brothers and sisters*"  
❤️❤️❤️"

- Ungkapan ini mencerminkan ekspresi kaitan kerohanian dan psikologi yang positif.
- 2- Ungkapan: "*Saya bukan Islam tapi hati saya sejuk setelah dengar lagu ini... hati tenang dan sejuk ...rasa nyaman sekali*"
- Tanggapan positif dari mereka yang bukan memeluk Islam mencerminkan kaitan antara dimensi spiritual dan psikologi melalui muzik keagamaan.

**5- Awla (Saujana, Nowseeheart), Andika, Azzam Sham - Awal Muharram** (Official Music Video)

50,839 views  
29 Jul 2022

[https://youtu.be/fXgHL\\_tO\\_sck?si=L\\_R72nVf8k8EQ9ai](https://youtu.be/fXgHL_tO_sck?si=L_R72nVf8k8EQ9ai)

1- Ungkapan: "*Salam Maal Hijrah!*" ❤️"

- Ungkapan salam ini berinspirasi dari lagu spiritual yang didengari.
- 2- Ungkapan: "*Sedap versi baru...*" 🍌🍌🍌"
- Kepuasan terhadap versi baru mencerminkan kaitan spiritual dan psikologi, menunjukkan hubungan erat pendengaran dan kebahagiaan psikologi.

## Pengalaman Kolaboratif Dalam Komuniti

Pengalaman kolaboratif dalam komuniti melalui seni lagu nasyid menjadi aspek yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan mental. Bak kata pepatah; *Bagai irama dan lagu*, demikianlah kolaborasi ini membuka pintu kepada keterlibatan aktif dan hubungan sosial dalam kalangan individu-individu, demi bersama-sama berusaha mencapai tujuan bersama atau memperbaiki keadaan

komuniti. Proses mencipta seni lagu nasyid bersama-sama, atau membuat persembahan bersama, adalah mencipta lingkungan positif dan memberi kesan positif kepada suasana hati dan mental, kerana kolaborasi tersebut akan membentuk keterlibatan aktif dan keterikatan sosial, dan individu yang terlibat merasa rasa memiliki dan saling mendukung, seterusnya memberi impak positif terhadap kesejahteraan mental. Proses kolaboratif mencipta lagu nasyid membina lingkungan yang positif. Suasana kerjasama dan kreativiti memberi kesan

positif terhadap suasana hati dan tenaga mental. Sepertimana kajian terhadap kesan bernasyid beramai-ramai terhadap meningkatkan prestasi pembelajaran dalam meningkatkan penguasaan *Tasrif Fe'il* melalui *Nasyid Tasrif* dalam kalangan pelajar dilihat positif kesannya, kerana murid-murid yang terlibat merasa gembira dan seronok setelah berakhir sesi pembelajaran berasaskan bernasyid beramai-ramai tersebut (Jusoh et al., 2022), Pengalaman kolaboratif dalam komuniti melalui seni lagu nasyid dapat meningkatkan rasa penerimaan dan pemahaman. Kolaborasi yang melibatkan individu dari pelbagai lapisan masyarakat, akan membuka pintu untuk pemahaman dan penerimaan yang lebih besar terhadap

perbezaan. Ini mencipta lingkungan inklusif yang menyokong kesejahteraan mental melalui rasa diterima. Oleh itu, wujud perbezaan penguasaan pelajaran terhadap kumpulan pelajar yang mendengar dan menyanyi nasyid selepas atau sebelum pembelajaran berbanding yang tidak didedahkan dengan muzik Islamik nasyid. Perbezaan tersebut disebabkan pelajar yang terlibat dengan mendengar nasyid dan bernasyid kurang stress terhadap pembelajaran berbanding kumpulan tanpa sentuhan nasyid. Iaitu, antara faktor pembelajaran yang berkesan dan berjaya ialah jika pelajar itu bebas dari tekanan dan ketegangan semasa proses pembelajaran (Shiddiq, 2023).

#### Jadual 4

##### *Analisis YouTube Pengalaman Kolaboratif Dalam Komuniti*

<b>Lagu Nasyid</b>	<b>Komen</b>
<p><b>1- Raihan - Iman Mutiara</b> (Lirik Video)</p> <p>977,363 views 20 Oct 2020</p> <p><a href="https://youtu.be/TZT-MqiSB1c?si=Ush--ct16ds91S72">https://youtu.be/TZT-MqiSB1c?si=Ush--ct16ds91S72</a></p>	<p>1- Kata-kata: <i>"bergabung dalam harmoni bersama komuniti," "menyatu dalam sorak syair bersama-sama," "membentuk ikatan melalui melodi," "memasyarakatkan keindahan nasyid."</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Frasa ini menggambarkan pengalaman kolektif dalam berkarya dalam kelompok nasyid, menekankan pentingnya membangun ikatan dalam komuniti melalui seni muzik.</li> </ul> <p>2- <i>"Setiap acara keagamaan, bersama tim nasyid DKM sering membawakan nasyid ini di hadapan teman, adik kaka kelas &amp; para guru."</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Nasyid di sini bukan hanya sebagai pengalaman individual, tetapi juga sebagai bagian dari pengalaman bersama dalam kelompok atau komuniti.</li> </ul>
<p><b>2- DEEN ASSALAM –</b> Cover by SABYAN</p> <p>309,364,597 views 18 May 2018</p> <p><a href="https://youtu.be/1OMD_LS ELAM?si=UersLYs3nNBJnFp1">https://youtu.be/1OMD_LS ELAM?si=UersLYs3nNBJnFp1</a></p>	<p>1-Kata-kata: <i>"love from Türkiye," "greetings from India," "respect and love from Srilanka," "beautiful and honest words in a clear Arabic language."</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Komentar-komentar ini mencerminkan pengalaman kolaboratif dalam komuniti dengan menunjukkan dukungan dan penghargaan dari berbagai negara dan komuniti. Ini menciptakan ikatan positif yang melibatkan berbagai kelompok dalam pengalaman muzik yang sama.</li> </ul>

2-Kata-kata: "*ikatan universal, "saling menghormati," "merupakan ekspresi keberagaman."*

- Mencerminkan pengalaman kolaboratif yang bersifat global dan lintas budaya, serta menyoroti bagaimana lagu ini dapat menghubungkan orang dari berbagai latar belakang.

### 3- Rahman Nashid Mishary Alafasy

رحمن يا رحمن | مشاري راشد  
العفاسي

249,700,286 views  
2 May 2012

<https://youtu.be/M3xjz4nxzGQ?si=SlnL5JcJVWxmphq>

1- Ungkapan: "*I'm not a Muslim, but I love this song and I have big respect for my brothers and sisters Muslim.*"

- Ini menunjukkan pengalaman bersama dan dukungan antara komuniti, bahkan di tengah perbezaan kepercayaan agama.

2- Ungkapan: "*Mexico is open to receive our Palestinians Brothers, they are NOT alone*"

- Ini menunjukkan kebersamaan dan dukungan antara komuniti, bahkan ekspresi *solidarity* diungkapkan tanda komuniti yang prihatin dan mendukung.

### 4- Yasir Lana - Ai

Khodijah (Official Musik  
& Video)

98,315,176 views  
24 Nov 2020

<https://youtu.be/U59EKWapOc?si=uQ9TiJfkmB5pvzji>

1- Ungkapan: "*I'm a roman catholic, but when I heard this song, it touched my heart.*"

- Pengalaman bersama dalam komuniti online mencerminkan pengalaman kolaboratif dalam mengekspresikan keyakinan agama melalui seni dan muzik.

2- Ungkapan: "*Saya Kristen suka sama lagu nya enak di dengar 😊 sejuk hati mendengarkan nya*"

- Ungkapan begini daripada komuniti bukan Islam menunjukkan pengalaman positif mereka semasa mendengar bersama lagu nasyid ini.

### 5- Awla (Saujana, Nowseeheart), Andika, Azzam Sham - Awal Muharram

(Official Music Video)

50,839 views  
29 Jul 2022

[https://youtu.be/fXgHL\\_tO\\_sck?si=L\\_R72nVf8k8EQ9ai](https://youtu.be/fXgHL_tO_sck?si=L_R72nVf8k8EQ9ai)

1- Ungkapan: "*Jayalah selalu Nasyid Asia Tenggara*"

- Ungkapan ini menzahirkan pengalaman kolaboratif dalam mendukung seni dan muzik Islam di wilayah Asia Tenggara.

2- Ungkapan: "*Masya Allah. Jayalah selalu Nasyid Asia Tenggara*"

- Ungkapan semangat terhadap komuniti yang mendukung menciptakan rasa kebersamaan dan kebanggaan atas warisan muzik Islamik.

---

## Kesimpulan

Pengaruh positif dalam seni lagu nasyid merujuk kepada kesan positif dan

kebahagian yang dirasakan individu melalui mendengarkannya, atau terlibat dalam penyampaian serta persembahan seni tersebut. Lagu-lagu nasyid, dengan melodi

menenangkan dan lirik yang membawa mesej positif, dapat meningkatkan suasana hati yang tenang dan mengurangi ketegangan. Selain itu, lirik-lirik yang menyentuh berbagai aspek emosi manusia memungkinkan untuk para pendengar mengidentifikasi dan mengelola emosi mereka. Lagu nasyid juga sering menyampaikan pesan dakwah dan keagamaan yang berupa dukungan dan harapan, akan memberikan dorongan emosional yang positif saat menghadapi kesulitan. Nilai-nilai positif dan spiritual yang tercermin dalam lirik-lirik dapat memperkuat rasa jati diri dan nilai moral pendengar. Kesimpulannya, seni lagu nasyid bukan hanya hiburan, tetapi juga seni lagu nasyid boleh menjadi sumber sokongan positif yang bernilai ke arah kelestarian kesejahteraan mental, melalui kesan relaksasi dan ketenangan, pesan dakwah dan keagamaan, kaitan spiritual dan psikologi, dan pengalaman kolaboratif dalam komuniti. Implikasi kajian ini memberikan landasan untuk penyelidikan lanjut dan pembangunan intervensi berasaskan seni lagu nasyid sebagai alternatif rawatan kesejahteraan mental individu secara berterusan.

## Rujukan

- Abdullah, M. J., Abdullah, M. J., & Sidek, R. S. @ M. (2019). Perkembangan Terapi Muzik Abad Pertengahan Islam dari Abad ke-9M Sehingga Abad ke-16M [The Development of Music Therapy in Medieval Islamic from the 9th Century to the 16th Century]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(3), 62–77. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/376>
- Aidil, M., & Istiqomalia, Y. (2021). Diksi dan Tradisi Syair Melayu Dalam Lirik Lagu Nasyid Raihan. *Al-I'lam: Jurnal Komunikasi Dan Penyiaran Islam*, 5(1). <https://journal.ummat.ac.id/index.php/jail/article/view/5186>
- DBP. (2016). *Kamus Dewan Edisi Keempat* (I. Ahamd, A. Supardi, S. Kamis, A. Tajudin, S. Jaabar, H. M. Khalid, & R. Abdullah (eds.); 4th ed.). Dewan Bahasa & Pustaka Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Fauzi, A. R., & Rusmana, A. (2022). Makna Perjuangan Pada Lirik Nasyid 90 Langkah Karya Santri Gontor (Analisis Semiotik). *DIALEKTIKA: Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa, Sastra, Dan Matematika*, 8(2). <https://journal.fkip-unilaki.ac.id/index.php/dia/article/view/46/25>
- Fikri, S. (2014). Seni Muzik Dalam Perspektif Islam. *Studi Multidisipliner*, 1(2). [https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/81737234/pdf\\_8-libre.pdf?1646457330=&response-content-disposition=inline%3B+filename%3D+Seni\\_Musik\\_Dalam\\_Perspektif\\_Islam.pdf&Expires=1701451904&Signature=etzdyTJpE8oTX1VGcZ-eDq3OvXrU658glIDGYH2JkzuyPYLCHTQKHkv2lifFkZEO](https://d1wqtxts1xzle7.cloudfront.net/81737234/pdf_8-libre.pdf?1646457330=&response-content-disposition=inline%3B+filename%3D+Seni_Musik_Dalam_Perspektif_Islam.pdf&Expires=1701451904&Signature=etzdyTJpE8oTX1VGcZ-eDq3OvXrU658glIDGYH2JkzuyPYLCHTQKHkv2lifFkZEO)
- Hanafi, L. H., Mohamad Al-Bakri, Z., & Raja Shahrudin, R. R. (2018). Hiburan: Muzik, Nyanyian, Nasyid Menurut Perspektif Fiqh dan Fatwa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 3(1), 83–108. <https://doi.org/10.33102/JFATWA.VOL3NO1.110>
- Hatim, A. S. A., & Sahad, M. N. (2020). Nasyid Sebagai Wasilah Dakwah dalam Kalangan Masyarakat Kontemporari. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 7(2), 94–108. <https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi/article/view/50>
- Hutomo, M. P. (2013). *Karakteristik Musik Nasyid Nada Hati Di Universitas Negeri Yogyakarta* [UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA].

- <https://core.ac.uk/download/pdf/33516793.pdf>
- Ilmiah, I. A. A. (2023). Tausiah Perdana Bersama Ulama Al-Azhar. In *UTube*. <https://youtu.be/iyH2OIIIPC8k?si=bikEErowwwRdOh87>
- Jusoh, W. F. binti W., Razi, N. D. N. binti N., Razi2, k D. N. binti N., (bm-301-18-dilalah@epembelajaran.edu.my), Awang, N. A. binti, Aziz, W. A. M. binti W. A., Aziz4, M. binti W. A., (bm-320-18-aina@epembelajaran.edu.my), & Daud, S. binti. (2022). Meningkatkan Penguasaan Tasrif Fe'il Melalui Nasyid Tasrif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 3 Maahad Muhammadi Lelaki. In M. Z. M. Amin (Ed.), *Proceedings Of The Icte'22 International Conference On Teacher Education 2022* (pp. 228–320). KOLEJ POLY-TECH MARA KOTA BHARU. [https://www.researchgate.net/profile/Banu-Ramanan/publication/369184697\\_What\\_Triggers\\_Change\\_Readiness\\_Intention\\_Among\\_Teacher's\\_The\\_Influence\\_of\\_Continuing\\_Professional\\_Development\\_Practices\\_A\\_Structural\\_Equation\\_Modelling\\_Approach/links/640ed1d292cfd54f](https://www.researchgate.net/profile/Banu-Ramanan/publication/369184697_What_Triggers_Change_Readiness_Intention_Among_Teacher's_The_Influence_of_Continuing_Professional_Development_Practices_A_Structural_Equation_Modelling_Approach/links/640ed1d292cfd54f)
- Maqsurah, A. inil, Bakry, K., & Jannah, S. (2020). Seni Beatbox Padanasyid Islami Dalam Perspektif Hukum Islam. *BUSTANUL FUQAHA: Jurnal Bidang Hukum Islam*, 1(3). <https://journal.stiba.ac.id/index.php/bustanul/article/view/184/124>
- Nafiah, S. F. D. A. (2021). Kesenian Tamadun Islam dalam Warisan Seni Tradisi Melayu [Art of Islamic Civilization in the Malay Heritage Art Tradition]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1). <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/190/180>
- Norhanita, U. (2023). *Hari Kesehatan Mental Sedunia*. Portal Rasmi KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA. <https://www3.moh.gov.my/index.php/pages/view/8517>
- Ria, P. (2020). *ANALISIS TEKS FERDINAND DE SAUSSURE DALAM LIRIK LAGU BISMILLAH SABYAN GAMBUS*. [IAIN Bengkulu]. <http://repository.iainbengkulu.ac.id/6164/>
- Sabari, N. S. (2018). *Retorik Pembujukan Dakwah Dalam Lagu Nasyid: Kajian Terhadap Lagu Opick Dan Hafiz Hamidun [Alternate title: Rhetorical Da'wah Persuasion in Nasyeed: A Study on Opick and Hafiz Hamidun Songs]* [Universiti Malaya]. <https://www.proquest.com/openview/1d9da7f610c41a295a5e041b0000bb04/1?pq-origsite=gscholar&cbl=2026366&dis-s=y>
- Setapa, W. N. H. B. W., Zahari, A. S. B., & Hassan, S. N. S. (2023). Persepsi Pelajar FPQS terhadap Keberkesanan Dakwah menerusi Lirik Nasyid Kontemporari. *E Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023)*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/20787>
- Shiddiq, L. Q. (2023). Penggunaan Media Alat Peraga Nasyid Sebagai Pembelajaran Inovatif Guna Memahami Konsep Agama Islam di SMA Negeri 1 Ambunten. *Tafhim Al-'Ilmi*, 12(1), 84–94. <https://doi.org/10.37459/tafhim.v12i1.4028>
- Sulaiman, R., Basri, F., & Zabidi, M. M. (2021). Model-Model Kesejahteraan Mental Dari Perspektif Islam: Satu Sorotan Literatur [Models of Mental Well-Being from an Islamic Perspective: A Literature Review]. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(2), 79–91. <https://ijps.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/32197>
- Supriadi, D., Hutabarat, E., & Monica, V.



- (2015). Pengaruh Terapi Musik Tradisional Kecapi Suling Sunda Terhadap Tekanan Darah Pada Lansia Dengan Hipertensi. *Jurnal Skolastik Keperawatan*, 1(2), 29–35. <https://jurnal.unai.edu/index.php/jsk/article/view/80>
- Trisilowaty, D. (2010). Analisis pesan nasyid puji-pujian group Raihan. *Jurnal Penelitian Edisi Ilmu-Ilmu Sosial*, 21(1). <https://eprints.unmer.ac.id/id/eprint/1923/>
- Yanti, F. (2016). Komunikasi Dakwah Dalam Kesenian Nasyid. *Al-Mishbah: Jurnal Ilmu Dakwah Dan Komunikasi*, 12(2). <http://www.almishbahjurnal.com/index.php/al-mishbah/article/view/71>
- Yusof, A., & Bidin, A. (2008). Perkembangan Seni Muzik Dalam Peradaban Islam Di Nusantara. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1). <https://juku.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/7844>